

# **Socioeconomic Class And Self Concept Variables**

## **(Part 4)**

Norrafidah Binti Wahid

### **2.4 Perkaitan Di Antara Kelas Sosial,Bahasa Dan Sosialisasi**

Perkaitan di antara kelas sosial, bahasa dan sosialisasi telah banyak dikaji mengikut teori perkembangan Linguistik Bernstein (1961). Teori perkembangan linguistik di kalangan kanak-kanak ini adalah berasaskan idea bahawa setengah-setengah bentuk susunan bahasa akan menyebabkan penutur memperolehi kemahiran kognitif dan sosial. Kemahiran-kemahiran kognitif dan sosial ini sangat penting dalam pencapaian akademik dan seterusnya di alam pekerjaan. Oleh kerana keadaan persekitaran yang berberlainan di antara kelas-kelas sosial, secara tidak langsung ia turut mempengaruhi pertuturan individu atau masyarakat itu.

Menurut Bernstein(1961), kelas bawahan khususnya kelas sosial daripada golongan buruh kasar menghadkan pertuturan bahasa mereka kepada bahasa umum. Bahasa umum yang digunakan oleh kelas bawahan ini sangat terhad dari segi pemilihan, penggunaan atau susunan kata. Golongan sosioekonomi bawahan ini menggunakan ayat-ayat yang pendek dan mudah. Di samping itu juga, kata adjektif dan kata sendi yang digunakan dalam pertuturan mereka tidak begitu meluas dan terhad. Teori ini tutur mengaitkan bahawa golongan kelas sosial bawahan lebih memilih frasa-frasa yang biasa digunakan dalam pertuturan mereka. Bahasa yang digunakan oleh golongan bawahan ini lebih menegaskan perasaan atau emosi dengan cara penggunaan simbol-simbol yang konkret dan deskriptif.

Keadaan ini amat berbeza dengan kanak-kanak daripada kelas sosial pertengahan dan atasan. Kanak-kanak daripada golongan sosioekonomi pertengahan dan atasan telah diasuh dan dididik di dalam persekitaran yang begitu mementingkan pertuturan kata dan konsepsi. Jenis pertuturan ini dinyatakan di dalam teori Linguistik Bernstein sebagai ‘bahasa rasmi’. Di dalam bahasa rasmi ini, ianya banyak menggunakan kata adjektif, kata sendi dan kata sifat. Oleh yang demikian, bahasa ini sangat sesuai untuk perbahasan yang menggunakan logik .

Keluarga golongan kelas sosial atasan dan pertengahan telah memupuk bahasa rasmi kepada anak-anak mereka semenjak dari kecil lagi. Perhubungan ibu bapa dengan anak-anak mereka sememangnya banyak menggunakan bahasa. Melalui pertuturan jenis ini, telah boleh mengenali bahawa perubahan kedudukan perkataan dan ayat akan melambangkan perubahan perasaan daripada ibubapanya. Oleh sebab kanak -kanak ini perlu berkomunikasi dengan ibubapanya, maka kanak-kanak tersebut terpaksa mempelajari berbagai-bagai bentuk perkataan dan ayat. Pembelajaran yang diperolehi oleh kanak-kanak daripada kelas sosial atasan dan pertengahan ini tidak didapati oleh golongan kanak-kanak daripada kelas sosial bawahan kerana bahasa atau linguistik yang digunakan oleh ibubapa mereka amat terbatas.

Namun apa yang lebih penting untuk diperkatakan di sini ialah perbezaan yang nyata di antara golongan kelas sosial pertengahan dan atasan dengan golongan kelas

sosial bawahan bawahan ialah perbezaan pandangan dunia persekitaran mereka yang disebabkan oleh perbezaan fungsi bahasa yang digunakan oleh kedua-dua golongan kelas sosial ini. Kanak-kanak daripada golongan kelas sosioekonomi atasan dan pertengahan mengenali persekitaran dan memahami peraturan mereka dengan lebih jelas hasil daripada didikan ibubapa mereka yang menerapkan bahasa rasmi di dalam pertuturan anak-anak mereka.

Ini adalah jauh berbeza dengan golongan kanak-kanak daripada kelas sosial bawahan yang menunjukkan gerak balas yang pasif terhadap persekitaran mereka dan lebih mengutamakan keperluan kumpulan mereka .Keadaan ini wujud hasil daripada asuhan dan didikan yang diterima daripada ibubapa yang menggunakan bahasa atau kaedah linguistik yang amat terhad terhadap anak-anak mereka. Secara tidak langsung, ianya membentuk pemikiran dan pandangan anak-anak mereka terhadap persekitaran yang ada disekeliling mereka.

Oleh yang demikian, telah jelas dan nyata bahawa kelas sosial, bahasa dan sosialisasi amat saling berkaitan di antara satu sama lain . Setiap individu atau masyarakat daripada golongan kelas-kelas sosial ini mempunyai cara tersendiri dalam memenuhi keperluan kehidupan mereka.

Continue...